

19 MAY 2000

Perodua-Rakan Muda

MODEL TERBARU PERODUA AKAN DIBAWA MENJELAJAH SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Model terbaru Perodua, Kenari yang akan dilancarkan pada 14 Jun ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dibawa mengembara ke seluruh tanah air dalam satu siri konvoi Program Kembara Rakan Muda (Kembara 2006) selepas itu.

Konvoi itu, yang membabitkan model Kembara, Rusa dan Kancil, dianjurkan oleh 72 pelajar Universiti Islam Antarabangsa yang dilancarkan hari ini.

Pengarah Program Kembara 2006, Mohamad Mos berkata, Kembara 2006 ditujukan dengan hasrat mendapat sokongan orang ramai tentang cita-cita negara menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

"Sejumlah 1,000,000 tandatangan akan didapatkan untuk diserahkan kepada Perdana Menteri dalam bentuk cakera padat pada 1 Ogos depan," katanya pada sidang media selepas perasmian program itu oleh Pengarah Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan untuk sektor Institut Pengajian Tinggi, Wasitah Mohd Yusof di sini, hari ini.

Bercakap mengenai program itu, Mohamad memberitahu, selain mendapatkan tandatangan, mempromosikan Perodua, memperkenalkan Rakan Muda, banyak lagi aktiviti disusun dan kebanyakannya bercorak kemasyarakatan.

Konvoi yang akan menjelajah sejauh 2,000 kilometer itu hanya akan melalui 11 buah negeri walaupun pada mulanya, program itu ingin memasuki Sabah dan Sarawak tetapi terpaksa diubah.

Pengembaraan mereka akan bermula dari Pusat Dagangan Dunia Putra selepas dirasmikan oleh Perdana Menteri serentak dengan pelancaran model kereta terbaru Perodua.

Wasitah ketika merasmikan program itu berkata: "Perodua sebagai penaja utama program ini merupakan contoh kerjasama swasta dalam mendokong hasrat remaja."

Masyarakat juga diminta menyokong hasrat belia dan remaja jika apa sahaja program yang ingin mereka laksanakan merupakan aktiviti berfaedah, katanya.

-- BERNAMA

SLR AHH zb